

# Resolusi PBB buka jalan gencatan senjata



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama anaknya, Nori mencanting batik semasa melawat Inkubator Batik dan Bengkel Sulaman Nyonya di Kepala Batas, Pulau Pinang, semalam.

Oleh ROZILAN SALLEH  
dan NOR AZIAH JAAFAR

KEPALA BATAS 13 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menuntut dihentikan perang antara Israel dan Hizbullah, akan membukajalankepada gencatan senjata walaupun rejim Yahudi enggan menghentikan serangan.

Menurut Perdana Menteri, walaupun resolusi itu tidak memenuhi 100 peratus kehendak kerajaan Lebanon, namun penguatkuasaannya dilihat akan membukajalan untuk membolehkan gencatan senjata secara berterusan.

Oleh itu, katanya, resolusi berkenaan perlu dilaksanakan segera bagi memastikan Israel menghentikan serangan yang berlarutan sejak sebulan lalu dan berundur sepenuhnya dari Lebanon tanpa sebarang syarat.

"Sebarang kelewatan akan menyebabkan Israel bermaharajalela dan terus dengan tindakannya menyerang kawasan dalam Lebanon," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmi-

kan Hari Pengasas Yayasan Budi Penyayang dan Bank Muamalat Malaysia Berhad cawangan Kepala Batas, yang terletak di Kompleks Budi Penyayang, di sini hari ini.

Majlis Keselamatan PBB kelmarin sebulat suara meluluskan resolusi menuntut dihentikan perang antara Israel dan Hizbullah.

Resolusi yang dirundingkan Amerika Syarikat (AS) dan Perancis itu juga meluluskan penghantaran 15,000 askar PBB untuk memantau pengunduran askar Israel dari selatan Lebanon dan membantu tentera Lebanon menguatkuasakan gencatan senjata.

Ketetapan yang diluluskan itu merupakan langkah konkrit pertama untuk menamatkan pertempuran yang telah membunuh lebih 1,000 rakyat Lebanon dan 121 rakyat Israel.

Ketika ini, Malaysia sedang menunggu kebenaran daripada Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan untuk menghantar pasukan tentera negara ke Lebanon.

Abdullah juga memaklumkan akan menghubungi Indonesia untuk memastikan negara itu turut menghantar tenteranya menyertai pasukan pengaman di Lebanon.